

## ELEMEN RUBRIK PENILAIAN TUGASAN PELAJAR SECARA ATAS TALIAN

*(Online Assessment Rubrics Elements For Students' Assignments)*

**\*Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Mohd Amin Mohd Noh, Zur'Ain Harun, Muhammad Syakir Sulaiman, Mohd Faez Ilias, Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Julia Madzalan, Annasaii Jamar**

Submitted: 26-Dec-2021  
Accepted: 26-Dec-2021  
Revised: 29-Dec-2021  
Published: 31-Dec-2021

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email:  
[mohdizzuddin@kuis.edu.my](mailto:mohdizzuddin@kuis.edu.my)

### Abstrak

Pembelajaran formal di sekolah telah berubah menjadi pembelajaran secara atas talian. Hal ini merupakan suatu perkara yang tidak dapat dielakkan disebabkan oleh penularan wabak COVID-19. Kaedah penulisan ini adalah bersandarkan kepada sorotan literatur yang diperolehi oleh penulis. Halangan yang paling besar adalah pembelajaran secara bersemuka oleh guru dan murid telah bertukar kepada pembelajaran atas talian. Perubahan ini memberikan kesan yang positif apabila penilaian yang berorientasikan kepada peperiksaan kepada pencapaian sebenar pelajar yang mampu diukur melalui aspek lain sama ada daripada segi kognitif, afektif dan psikomotor. Selain itu, latihan bertulis yang bersifat salinan keras (*hard copy*) berbentuk buku telah bertukar menjadi salinan lembut (*soft copy*) seperti penggunaan *Google Form*, *Kahoot!*, *Padlet* dan sebagainya. Kesan daripada penularan wabak COVID-19 ini memerlukan para guru memikirkan semula pendekatan, strategi dan aktiviti penilaian yang bersesuaian dengan pembelajaran secara atas talian. Disamping itu, aktiviti penilaian perlu disesuaikan dengan kemampuan kaedah atas talian dan bersifat keperluan kepada kemahiran atau aspek yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam satu-satu mata pelajaran menjadi panduan dalam pembinaan rubrik penilaian tugas pelajar. Hasil penulisan ini memberikan implikasi bahawa pemilihan tugas pelajar yang selari dengan tajuk yang diajar dapat memberikan kesan kepada penguasaan ilmu yang dipelajari tanpa berorientasi kepada peperiksaan dan berpandukan kepada rubrik penilaian yang dibina oleh guru.

**Kata kunci:** rubrik, penilaian tugas, atas talian, pembelajaran

### Abstract

The previous convention of formal learning at school has now shifted into online learning. This shift is unavoidable due to the COVID-19 pandemic. This method of writing is based on the literature highlights obtained by the author. The biggest challenge is the move from face-to-face learning between teachers and students to online learning. This change brings positive effects to assessments that are oriented to the actual student's achievements, be it in terms of cognitive, affective and psychomotor skills. Besides that, writing practices in the form of books, or hard copies, are converted to soft copies through the use of *Google Form*, *Kahoot!*, *Padlet* and the likes. The impact of the COVID-19 outbreak has forced educators to rethink their approaches, strategies and assessment activities that are more suited to online learning. In addition, assessment activities need to be altered to fit the capabilities of online learning. It must also facilitate the mastery of skills or aspects of a student in a certain subject and this will act as a guide for teachers in designing the rubrics as a means to assess students' assignments. The outcome of this study gives the implication that the selection of students' assignments that correspond to the topics learned proves that students are able to achieve mastery

*in a subject without the need of examinations, but instead guided by assessment rubrics designed by the teachers.*

**Keywords:** *rubric, assessment evaluation, online, learning*

## 1.0 PENDAHULUAN

Kaedah pengukuran prestasi pelajar melalui rubrik bukanlah asing bagi seorang tenaga pengajar sama ada di peringkat rendah dan menengah atau peringkat pengajian tinggi. Rubrik adalah satu bentuk alat pentaksiran yang memberikan panduan untuk menskor pencapaian (Surayah et. al., 2014). Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (2020), rubrik ditafsirkan seperti berikut;

Alat penskoran yang mengandungi senarai kriteria atau standard tanda aras dan digunakan untuk pemberian skor/gred bagi tugas pentaksiran atau hasil pembelajaran. Ia memerihalkan kualiti prestasi bagi setiap gred bermula daripada kualiti terbaik hinggalah kualiti yang munasabah dan seterusnya kualiti yang amat rendah untuk setiap kriteria atau setiap hasil pembelajaran. Pemerihal ini dapat membantu dan memandu pelajar mengenal pasti kelemahan dan kekurangan hasil kerja atau tugas mereka sementara untuk staf akademik pula ia meyakinkan mereka amalan yang adil dalam menskor dan memberi gred kepada hasil pelajar.

Oleh itu, perancangan terhadap suatu aktiviti penilaian mestilah ditentukan sebelum memulakan sesi persekolahan. Rubrik atau kriteria tersebut hendaklah dikongsi atau diterangkan kepada pelajar agar pelajar mengetahui kepentingan tugas tersebut dijalankan dan mengelakkan pelajar hanya akan memberikan fokus kepada peperiksaan akhir semata-mata. Guru hendaklah merancang aktiviti penilaian yang ingin dilaksanakan. Penggunaan instrumen penilaian dapat mengukur kemampuan pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan. Dalam pada masa yang sama, rubrik juga berupaya menjadi alat pentaksiran yang dapat memperbaiki kecekapan guru (Surayah et al, 2014). Penggunaan instrumen dapat mengukur pencapaian dengan lebih baik seperti pemilihan jenis-jenis instrumen penilaian yang dirancang dan bersesuaian dengan aktiviti pembelajaran. Bentuk instrumen penilaian yang dilaksanakan dapat dimantapkan daripada masa ke semasa. Selain itu, guru hendaklah menyusun panduan penskoran atau rubrik penskoran bagi mengukur kompetensi pengetahuan pelajar. Penumpuan kepada berorientasikan peperiksaan telah berubah kepada pentaksiran yang lebih bermakna dengan mengukur kemahiran yang dimiliki oleh pelajar. Penyediaan rubrik amat membantu para guru dalam memberikan pemarkahan yang bersifat adil terhadap semua pelajar. Rubrik pemarkahan ini boleh dijadikan panduan kepada pelajar untuk menyediakan tugas yang selari dengan kehendak rubrik yang diberikan.

## 2.0 OBJEKTIF PENULISAN

Kertas kerja ini bertujuan seperti berikut:

- a) Memberikan penerangan berkaitan konsep dan jenis tugas pelajar.
- b) Memberikan penekanan terhadap elemen penting dalam tugas pelajar.
- c) Menghuraikan aspek penting yang diperlukan dalam pembinaan rubrik penilaian tugas pelajar.
- d) Merumuskan cabaran perubahan berorientasikan peperiksaan kepada penguasaan pelajar.

### 3.0 KONSEP TUGASAN PELAJAR

Menurut Keith (2008), tugas adalah satu pendekatan yang menyediakan bahan pembelajaran kepada para pelajar dengan memerlukan penglibatan mereka secara aktif bagi mencapai matlamat yang digariskan atau menyiapkan tugas yang diberikan.

#### 3.1 Tugas

Pelaksanaan kertas kerja atau portfolio adalah bertujuan mengembangkan ilmu pengetahuan berdasarkan pencarian maklumat sam ada melalui bahan bercetak mahupun bahan atas talian. Pengembangan ilmu dapat diwujudkan dalam usaha menyiapkan tugas kertas kerja tersebut. Guru berperanan dalam menghadkan skop perbincangan penulisan agar tidak terlalu mendalam dan melebihi tujuan penulisan kertas kerja. Selain itu, guru hendaklah menentukan aspek-aspek berikut:

- a) Isi-isi perbincangan
- b) Sumber rujukan yang dikenalpasti dan mudah dicapai
- c) Bilangan maksimum muka surat kertas kerja.

Tugas yang dirancang hendaklah mempunyai ciri amalan refleksi dalam proses pembinaan ilmu pengetahuan dan bersifat kritis dan lain daripada yang lain (IPGM, 2019). Tugas yang diberikan kepada pelajar hendaklah mengambil kira kesesuaian dan kemampuan pelajar dalam melengkapkan tugas yang diberikan oleh guru. Contoh-contohnya seperti:

#### 1. **Penghasilan produk: peta minda, portfolio, video pendek, blog perkongsian ilmu, phamplet dan sebagainya.**

- a) Ulasan kritis: potongan daripada tajuk surat akhbar dan majalah berkaitan tajuk mata pelajaran.
- b) Laporan kajian: Laporan pemerhatian terhadap proses sains atau laporan daripada video-video pendidikan yang bersesuaian.
- c) Latihan minda: Ujian kecil atau kuiz berkaitan tajuk yang telah dipelajari.
- d) Latihan praktikal: ujian amali dan ujian lisan.

#### 3.2 Tugas Persembahan

Tugas persembahan ini memerlukan pelajar menyampaikan apa yang diperolehi melalui penyampaian secara lisan dan bersifat komunikasi secara dua hala iaitu bersama dengan pelajar lain. Aktiviti ini dapat meningkatkan keyakinan pelajar dan kerja berpasukan dalam kalangan pelajar. Namun begitu, peranan perlu dimainkan oleh guru dengan menetapkan syarat-syarat pembentangan seperti berikut:

- a) Isi pembentangan ditulis dengan ringkas.
- b) Huraian disampaikan sendiri oleh pembentang pelajar
- c) Masa pembentangan yang ditetapkan
- d) Slide yang disampaikan mengandungi gambar dan imej yang bersesuaian.

Antara jenis persembahan yang boleh dilaksanakan seperti forum, syarahan, pidato dan pembentangan ilmiah. Kepelbagaian aktiviti ini mampu menarik minat pelajar untuk terus belajar.

## 4.0 ELEMEN PENILAIAN TUGASAN PELAJAR

### 4.1 Kognitif

Taksonomi menggambarkan bentuk pemikiran dan pemikiran merupakan proses aktif, maka penggunaan kata kerja lebih tepat. Semua aras diganti dengan kata kerja yang bersesuaian. Ciri-ciri penting soalan mengikut aras kemahiran domain kognitif mengikut Taksonomi Bloom yang disemak semula oleh Anderson dan Krathwohl (2001) adalah seperti berikut:

- a) Pengetahuan: Mengingat semula sesuatu idea atau fakta.
- b) Kefahaman: Menguji kebolehan kognitif yang melibatkan penggunaan pengetahuan tanpa situasi baharu.
- c) Aplikasi: Menguji kemahiran menggunakan pengetahuan untuk memberikan penjelasan bagi suatu situasi baharu atau menyelesaikan masalah yang baharu
- d) Analisis: Menguji kebolehan membanding dan menghuraikan faktafakta kesamaan, perbezaan dan perhubungan antara satu sama lain
- e) Menilai: Menguji kebolehan membuktikan, menilai, mengesahkan, mengkritik, merumuskan atau memberikan pendapat terhadap sesuatu pernyataan
- f) Mencipta: Menguji kebolehan calon merancang, mereka/mencipta/ menghasilkan sesuatu yang kreatif dan penggabungan pelbagai unsur.

### 4.2 Afektif

Penilaian berkaitan domain afektif ini melibatkan proses pemerhatian terhadap pelajar. Guru berperanan dalam melihat kesedaran dan sikap pelajar terhadap suatu peristiwa atau pengalaman yang telah dipelajari seperti menyedari tentang pentingnya menghormati orang tua (kategori menerima), pelajar menunjukkan minat dalam mengikuti suatu peraturan yang telah ditetapkan oleh guru (kategori maklum balas), contohnya pelajar berpuasa pada hari isnin dan khamis, pelajar menunjukkan komitmen yang tinggi dan menghayati segala melakukan aktiviti yang telah disediakan oleh guru (kategori menilai) contohnya apabila seorang pelajar diberikan tugas, maka tugas tersebut dilakukan dengan sempurna dan lengkap. Selain itu, pelajar yang menunjukkan nilai-nilai yang berterusan dalam dirinya (mengorganisasi) seperti apabila melakukan tugas, nilai tanggungjawab, bekerjasama dan menghormati idea dan pandangan pelajar lain. Kategori afektif yang tertinggi ialah pelajar yang mempunyai nilai murni yang selari dengan falsafah hidup seperti menunjukkan keperibadian yang menjadi teras dalam kehidupan pelajar tersebut. (IPGM, 2019). Antara aktiviti untuk mengesan domain afektif adalah seperti berikut penilaian sendiri, penilaian rakan, pelajar menulis refleksi diri, pemerhatian guru.

### 4.3 Psikomotor

Simpson (1972) menyatakan bahawa domain psikomotor adalah hasil pembelajaran adalah dalam bentuk kemahiran dan kemampuan individu untuk bertindak. Terdapat tujuh kategori yang terdapat dalam domain psikomotor:

- a) Kategori Persepsi: Kebolehan menggunakan isyarat deria untuk membimbing aktiviti motor. Ia merangkumi rangsangan melalui pemilihan isyarat kepada terjemahan.
- b) Kategori Set: Kesediaan murid untuk memberikan tindakan seperti menyelesaikan permasalahan dalam situasi yang berbeza.

- c) Kategori Respon Berpandu: Pelajar menunjukkan penguasaan terhadap suatu kemahiran seperti peniruan dan cuba jaya dalam kursus kemahiran hidup.
- d) Kategori Mekanisme: Pelajar menunjukkan penguasaan terhadap kemahiran yang telah dipelajari dengan cekap dan yakin. Contohnya, pelajar mampu menunjukkan cara sesuatu aktiviti tanpa bimbingan guru.
- e) Kategori Respon Ketara Kompleks: Pergerakan yang dilakukan dengan sempurna dan cara yang betul dan tidak menunjukkan kekeliruan dalam melaksanakan suatu kemahiran.
- f) Kategori adaptasi: Pelajar dapat melakukan suatu kemahiran selari dengan keperluan semasa.
- g) Kategori Lakuan tulen: Pelajar mampu melakukan kemahiran yang luar biasa terhadap suatu situasi atau permasalahan tertentu.

Dengan mengambilkira tujuan pendidikan di atas, maka tujuan pendidikan mencakup domain kognitif, afektif, dan psikomotor. Ketiganya perlu dicapai secara komprehensif dan seimbang. Pencapaian *afektif* akan menjadikan seseorang menjadi berakhlak *mulia*, dan pencapaian tujuan *psikomotor* akan menjadikan seseorang menjadi *terampil* (Rohmad Qomari. 2008). Kerja kursus perlu dirancang dan disusun dengan rapi supaya tidak membebankan pelajar. Persediaan pentaksiran kerja kursus harus dilaksanakan mengikut prosedur yang merangkumi tiga peringkat seperti yang berikut:

### **1. pengubalan Jadual Spesifikasi Tugas (JST)**

Tentukan bidang dalam mata pelajaran.

Tentukan pecahan markah bagi setiap bidang dalam mata pelajaran.

Tentukan mekanisma penilaian bagi setiap bidang dalam mata pelajaran. Tentukan markah yang bersesuaian bagi setiap bidang.

\*Elakkan pertindihan dua tugas dalam satu-satu bidang.

### **2. pengubalan soalan tugas;**

Memberikan soalan tugas kepada pelajar pada awal-awal persekolahan dan tidak boleh lewat.

Menentukan secara tepat berkaitan aspek-aspek yang diperlukan dalam tugas.

Menentukan tugas kumpulan atau tugas individu.

Menentukan tarikh akhir setiap tugas yang diberikan.

Memberikan contoh rangsangan visual untuk tugas murid.

\*Membimbing dan memantau tahap kemajuan pelajar dalam menyiapkan tugas amatlah diperlukan.

### **3. pengubalan rubrik atau/dan skema pemarkahan**

Melakukan persiapan awal untuk membina rubrik pentaksiran bagi satu-satu tugas secara terperinci dan selari dengan pemarkahan yang dirancang.

Mengemaskini secara berterusan rubrik yang telah dinilai secara berperingkat agar tidak membebankan guru.

## **5.0 ASPEK PENTING YANG PERLU DALAM PEMBINAAN RUBRIK PENILAIAN TUGASAN PELAJAR**

Rubrik merupakan alat untuk menskor atau mengredkan senarai kriteria atau ciri standard yang digunakan. Dengan adanya rubrik, kualiti tugas tersebut dapat ditentukan sama ada terbaik, sederhana atau lemah.

Dalam membina rubrik pemarkahan, guru hendaklah menyenaraikan kemahiran-kemahiran yang dikenalpasti dalam membina suatu rubrik pemarkahan. Menurut Freedman (1994), antara kemahiran tugas bertulis yang boleh dinilai adalah seperti berikut:

- a) Pengetahuan isi kandungan tugas
- b) Kefahaman konsep secara mendalam
- c) Pemikiran kritis dalam situasi tertentu
- d) Kemahiran Memperoleh Maklumat

Sekiranya penilaian tersebut bersifat aktiviti pembentangan, para guru boleh mengenalpasti kemahiran lain yang bersesuaian seperti:

- a) Pengetahuan dan kefahaman terhadap isi pembentangan
- b) Kemahiran menggabungkan idea-idea pembentangan
- c) Kemahiran berkomunikasi
- d) Kemahiran menggunakan alat bantu visual

Selain itu, sekiranya tugas pelajar menggunakan penghasilan poster atau peta minda, maka guru boleh menggunakan kriteria yang bersesuaian seperti:

- a) Kekemasan bahan
- b) Kefahaman isi kandungan bahan
- c) Penggunaan imej dan simbol
- d) Penggunaan warna

## **6.0 CABARAN PERUBAHAN BERORIENTASIKAN PEPERIKSAAN KEPADA PENGUASAAN PELAJAR**

- a) Mengubah persepsi guru daripada kecemerlangan berorientasikan peperiksaan kepada nilai pencapaian yang dikuasai pelajar.
- b) Merancang dan menentukan bidang/tajuk/kemahiran yang menjadi keutamaan dalam satu-satu mata pelajaran.
- c) Mempelbagaikan kaedah penilaian berterusan yang bersesuaian dengan tajuk/bidang/kemahiran tertentu.
- d) Menyediakan pelbagai rubrik penilaian yang bersesuaian dengan tugas yang diberikan kepada pelajar.
- e) Mengekalkan fokus kepada penilaian berterusan sepanjang sesi persekolahan sama ada di fasa pertengahan tahun mahupun akhir tahun.
- f) Menggunakan kemudahan dan aplikasi atau software komputer dalam merekodkan data-data rubrik berdasarkan hasil penilaian yang telah dilaksanakan.
- g) Memastikan keupayaan akses internet pelajar dalam keadaan yang baik.

## **7.0 KESIMPULAN**

Panduan rubrik ini amatlah penting dalam memastikan bahawa guru dapat merancang jenis tugas akademik yang diberikan kepada pelajar dan sekali gus dapat memastikan bahawa objektif pembelajaran yang telah dirancang dapat dipastikan pencapaiannya. Rubrik penilaian yang disediakan dapat membantu guru dan tenaga pengajar dalam memberikan pemarkahan yang bersesuaian dengan hasil tugas yang disediakan oleh pelajar. Hal ini dapat membantu para pelajar untuk meningkatkan pencapaian masing-masing berdasarkan kriteria-kriteria yang disediakan oleh guru dan tenaga pengajar dan ianya adalah lebih bersifat adil.

## 8.0 RUJUKAN

- Boon Pong Ying, Lee Leh Hong, Lawrence Aloysius Aeria. 2017. Siri Pendidikan Guru: Pentaksiran Dalam Pendidikan. Oxford Fajar Sdn Bhd. Shah Alam Selangor.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. 2019. Buku Panduan Pentaksiran Institut Pendidikan Guru Malaysia. Cyberjaya.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. 2010. Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Penerbit UPM. Serdang Selangor
- [Kerry Freedman](#) , [Patricia Stuhr](#) (2004). Curriculum Change for the 21st Century: Visual Culture in Art Education. [Handbook of Research and Policy in Art Education](#).
- Metler, C. A (2001). Designing Scoring Rubrics for Your Classroom. Practical Assessment, Research & Evaluation, 7(25). Retrieved June 6, 2016 from <http://PAREonline.net/getvn.asp?v=7&n=25>
- Rohmad Qomari. 2008. [Pengembangan instrumen evaluasi domain afektif](#). INSANIA: Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan.
- Simpson, E. J. (1972). The classification of educational objectives in the psychomotor domain. Washington, DC: Gryphon House.
- Anderson, L. W. & Krathwohl D. R. (Eds.), et.al. (2001). A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's Taxonomy of educational objectives. New York: Longman
- Surayah Zaidon, Aminah Ayob, & Othman Ikhsan (2014). Pembinaan Rubrik Penilaian Penulisan Kanak-Kanak. JPBU Vol. 7 (2014) ISSN 1394-7176
- Kementerian Pengajian Tinggi (2020). Garis Panduan Amalan Baik Pembinaan Rubrik. Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi. Putrajaya.